

Mahathir lancar buku seni bina kediaman Islam

UM 27 MAR 2007

KUALA LUMPUR 26 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan buku bertajuk *The Art of Living - Residential Architecture of the Islamic World* sempena sambutan Maal Hijrah, hari ini.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut merasmikan pameran yang bertema seni bina kediaman di negara-negara Islam termasuk benua Afrika dan Timur Tengah.

Perdana Menteri dalam ucapannya berharap, buku tersebut akan menjadi sumber yang praktikal kepada mereka yang berminat mengenai seni bina tempatan dalam khazanah Islam.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Ovidio Guaita kerana berjaya menghasilkan buku tersebut yang diterbitkan dengan kerjasama Muzium Kesenian Islam.

“Kajian mengenai seni bina Islam amat luas meliputi masjid, istana bandar, padang pasir dan rumah bandar sehingga melintasi tiga benua.

“Seni bina Islam mempunyai identiti serantau dan relevan dengan prinsip-prinsip Islam yang berkekalan,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran buku tersebut di sini, hari ini.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri turut berkongsi pengalamannya

melawat negara-negara Islam dan menyaksikan sendiri keindahan seni bina di bumi Islam.

Katanya, walaupun Islam melarang benda-benda hidup dipamerkan ia (larangan itu) langsung tidak mencatitkan keindahan seni bina Islam malah telah membantu mempertingkatkan rekaan geometri yang lebih indah.

Menurut beliau, kediaman umat Islam yang menggabungkan reka bentuk dengan nilai moral, suasana politik serta cuaca di sesuatu tempat menjadikannya ensiklopedia lengkap mengenai Islam sebagai agama yang kaya dengan tradisi.

“Di sebalik bahan dan

hiasan yang berbeza, umat Islam berkongsi identiti yang berakar umbi dalam kepercayaan terhadap Islam,” katanya.

Beliau berkata, kediaman umat Islam sama ada di Sepanyol, Arab Saudi, India dan Malaysia dibina berasaskan budaya dan bangunan tradisi yang telah wujud sejak dulu.

Bagaimanapun, katanya, perbezaan itu tidak melemahkan asas-asas kepercayaan yang menjadi sumber inspirasi umat Islam.

Buku *The Art of Living - Residential Architecture of the Islamic World* mengandungi 196 imej dan 172 muka surat itu dijual dengan harga RM75 sebuah.